

# Tertinggal jarum suntikan dalam paha

B/H 5/1/13 Ms 13.

» *Bapa dakwa kakitangan klinik kesihatan cuai*

Oleh Faridzwan Abdul Ghafar  
faridzwan@bharian.com.my

Georgetown

Seorang bapa mendakwa kakitangan sebuah klinik kesihatan di sini, cuai sehingga besi jarum tertinggal pada paha kiri bayinya.

Mohd Zahrin Tumin, 30, berkata kejadian itu berlaku, kel-

marin apabila isterinya membawa anak lelaki sulung mereka berusia lima bulan, Mohammad Danish untuk mendapatkan rawatan di klinik kesihatan Jalan Perak di sini.

"Selepas pulang, isteri menghubungi saya memaklumkan bayi kami tidak berhenti menangis sepanjang perjalanan pulang, seolah-olah dalam kesakitan. Saya menyangka ia kesan biasa selepas disuntik dan meminta isteri segera pulang untuk tuam bekas suntikan itu.

"Bagaimanapun, tidak lama kemudian isteri menghubungi lagi dan memberitahu ada jarum tertinggal di bekas tempat sun-

tikan di paha anak kami. Saya terus bergegas pulang.

## Klinik kesihatan beri alasan

"Memang ada jarum dan saya mencabutnya. Saya kemudian menelefon klinik kesihatan itu untuk penjelasan, namun diberikan alasan yang langsung tidak masuk akal," katanya ketika ditemui di Jelutong dekat sini, semalam.

Zahrin berkata, Danish menanggung kesakitan lebih tiga jam sebelum isterinya menyedari ada jarum tertinggal pada pahunya.

Sementara itu, Pegawai Kesihatan Daerah Timur Laut, Dr T



**Jarum suntikan yang ditemui terbenam dalam paha Mohammad Danish di Jelutong, kelmarin.**  
(FOTO MICHAEL ONG/BH)

Vasantha memberi jaminan siasatan terperinci akan dilakukan.

"Kami juga akan memanggil ibu bapa bayi berkenaan untuk

membantu siasatan dalam tempoh terdekat dan akan mengambil tindakan sewajarnya jika ia memang disebabkan kecuai kakitangan kesihatan," katanya.